

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HMT 203 Sejarah Perkembangan Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Tulis nombor 1 hingga 6 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda, sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

1. Bahasa Melayu merupakan bahasa yang dituturkan oleh orang Melayu jati. Siapakah yang dimaksudkan dengan orang Melayu jati? Adakah konsep Melayu jati anda sejajar dengan konsep Melayu yang terdapat dalam Fasal 162 Perlembagaan Malaysia? Bagaimanakah huraian anda terhadap konsep Melayu jati ini dapat membezakan istilah bahasa Melayu dengan bahasa Malaysia?

[25 markah]

2. Bahasa Melayu kuno **bukannya** bahasa Melayu induk yang memencarkan bahasa Melayu klasik dan seterusnya bahasa Melayu moden di Malaysia. Berikan alasan anda untuk mempertahankan pernyataan ini.

[25 markah]

3. Dengan menggunakan maklumat linguistik dan bukan linguistik nyatakan pelbagai kelainan (variasi) bahasa Melayu yang wujud sekitar tahun 2,500 S.M. sehingga ke 1,500 M. (zaman Melaka). Huraikan fungsi yang dimainkan oleh semua jenis kelainan bahasa Melayu dalam jangka waktu yang disebutkan.

[25 markah]

.../2

4. Bincangkan kesan penjajahan Barat (Portugis, Belanda dan Inggeris) terhadap bahasa Melayu di Semenanjung Tanah Melayu.

[25 markah]

5. Huraikan konsep pengglobalan bahasa bagi bahasa Melayu moden di Malaysia. Apakah perbezaan dan persamaan antara mengglobalkan dengan mengantarabangsakan sesuatu bahasa? Menurut pandangan anda apakah antara kendala yang dapat menyekat pelaksanaan kedua-dua konsep ini di Malaysia pada waktu ini atau pada masa akan datang?

[25 markah]

6. Buat huraian ringkas perkara berikut:

[a] Alih huruf dan alih bahasa teks batu bersurat yang menggunakan tulisan palava dan teks bahasa Melayu klasik yang bertulisan jawi memperlihatkan beberapa kelemahan. Mengapa?

[12.5 markah]

[b] Dua faktor yang dapat digunakan untuk menentukan tanah asal bahasa Melayu, iaitu perkembangan manusia dan situasi geografis masa lampau.

[12.5 markah]

-oooo000ooo-